

**JABATAN MUZIUM-MUZIUM  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**KENYATAAN SEBUTHARGA**

**BILANGAN SEBUTHARGA:** 09/JMM/S/12/91 (2021/2022)  
**TAJUK SEBUTHARGA:** SEBUTHARGA BAGI KERJA-KERJA PENGGANTIAN LAMPU  
DI ZONE 'C' DAN ZONE 'Q', MUZIUM ALAT KEBESARAN  
DIRAJA, BANDAR SERI BEGAWAN, JABATAN MUZIUM-  
MUZIUM

**SYARAT-SYARAT SEBUTHARGA**

1. Sebutharga dibukakan kepada syarikat-syarikat / pemborong-pemborong yang mempunyai 'Sijil Pendaftaran' yang berdaftar dengan Registrar of Companies of Brunei Darussalam yang berkaitan dengan kemahiran dan pengalaman dalam kerja-kerja diatas.
2. Syarikat-syarikat yang dimiliki oleh kakitangan Kerajaan dan seumpamanya tidak akan dilayan dan tidak sah untuk dinilai.
3. Dokumen sebutharga boleh diperolehi daripada Unit Kewangan dan Perolehan, Tingkat 2, Bangunan Arkib Negara, Jalan Dewan Majlis, Negara Brunei Darussalam semasa hari / waktu bekerja. iatu dari jam 8.30 pagi hingga 10.30 pagi sahaja.
4. Syarikat-syarikat atau pemborong-pemborong yang berminat untuk ikut serta dalam sebutharga di atas adalah **DIMESTIKAN** untuk membuat lawatan ke tapak projek. Syarikat-syarikat / pemborong-pemborong hendaklah menempah slot bagi lawatan tersebut dan seterusnya mengambil borang sebutharga dengan menghubungi talian 2381674/2381677 sambungan 124/125. Slot hendaklah ditempah 2 hari lebih awal.

Jika syarikat / pemborong gagal untuk hadir bagi lawatan pada tarikh dan waktu yang telah ditetapkan, tempahan slot akan dibatalkan dan syarikat /pemborong hendaklah menempah slot yang baru. Tarikh terakhir untuk membuat lawatan ke tapak projek dan mengambil borang sebutharga ialah pada 04 DISEMBER 2021 jam 10.30 pagi.

5. Yuran sebutharga bagi setiap borang adalah B\$5.00 (Ringgit: Lima Ringgit Sahaja) dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar sebutharga yang sah (bona-fide tender).
6. Sebutharga hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan bilangan dan tajuk sebutharga serta tarikh tutup tawaran tanpa menyatakan nama penender/syarikat dengan dialamatkan kepada **PENGERUSI JAWATANKUASA SEBUTHARGA, JABATAN MUZIUM-MUZIUM, D/A BANGUNAN ARKIB NEGARA, JALAN DEWAN MAJLIS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

7. Sebutharga yang lengkap hendaklah dihantar **TIDAK LEWAT JAM 2.00 PETANG PADA HARI SELASA 07 DISEMBER 2021.**
8. Sebutharga yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
9. Sebelum dokumen sebutharga dikeluarkan, setiap syarikat / pemborong adalah dikehendaki untuk membawa dan menghadapkan salinan Sijil Pendaftaran yang dinyatakan dan dikehendaki membayar yuran sebutharga dengan kadar yang telah ditetapkan.
10. Penender yang gagal untuk membuat lawatan ke tapak projek boleh menyebabkan sebutharga untuk tidak dinilai.
11. Sebutharga hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang sebutharga yang disediakan. Borang Sebutharga dan Borang Pengakuan Penender hendaklah diisi dengan lengkap. Penender yang menghantar sebutharga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.
12. Setiap borang sebutharga yang telah diisikan dengan lengkap hendaklah menyertakan salinan Sijil Pendaftaran syarikat dan salinan resit pembayaran yuran sebutharga (seperti kenyataan Para 4).
13. Penender dimestikan untuk menurunkan tandatangan '*initial*' pada setiap mukasurat dimana maklumat telahpun diisikan oleh penender.
14. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima sebutharga-sebutharga yang rendah atau lain-lain sebutharga
14. Syarikat yang menolak atau membatalkan sebutharga atau kontrak setelah kebenaran sebutharga diperolehi akan dikenakan denda selaras mengikut peraturan dan garispandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara rujukan LTN/4 (39/1997).